



KENYATAAN MEDIA

**Untuk Siaran Segera
6 Mac 2026**

Wakaf ASNBN Capai Kutipan Mencecah RM100 Juta Dalam Tempoh Kurang 5 Tahun, Agenda Pendidikan, Kesihatan dan Pembangunan Komuniti Diperkukuh Secara Inklusif

Kuala Lumpur, 6 Mac 2026 – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), mengumumkan bahawa Wakaf ASNBN telah mencapai kutipan mencecah RM100 juta dalam tempoh kurang lima tahun sejak diperkenalkan pada 2021. Pencapaian signifikan ini menandakan keyakinan berterusan masyarakat terhadap usaha memperkukuh pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti melalui instrumen wakaf.

Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Rick Ramli berkata, "Sejak diperkenalkan pada Oktober 2021, Wakaf ASNBN telah berkembang pesat dengan peningkatan jumlah pewakaf melebihi 32,000 orang sehingga Februari 2026. Kutipan Wakaf ASNBN turut menunjukkan perkembangan kukuh, melebihi 100 juta unit secara terkumpul. Kejayaan ini membolehkan pengagihan Dana Manfaat Wakaf meningkat daripada kira-kira RM70,000 pada 2022 kepada RM2.9 juta pada 2025. Sumbangan Dana Manfaat Wakaf terus bertambah dengan sejumlah RM3.5 juta diagihkan pada agihan pertama tahun 2026 ini."

"Dari sudut kutipan, Wakaf ASNBN mencecah RM100 juta sehingga tahun ini. Ini turut membuktikan prestasi yang sangat baik, malah antara yang paling menyerlah berbanding wakaf-wakaf lain di Malaysia. Corak pertumbuhan ini

jelas menunjukkan keyakinan masyarakat yang semakin mendalam terhadap inisiatif wakaf serta impaknya dalam memberi manfaat sosial yang meluas,” katanya pada Program Seindah Wakaf Seikhlas Ramadan 2026 yang diadakan di Masjid Mahmoodiah, Putrajaya.

Melalui gabungan instrumen pelaburan dan wakaf, pemegang unit ASNB berpeluang menyalurkan sumbangan wakaf secara mampan, di mana jumlah pelaburan yang diwakafkan kekal berterusan, sementara hasil dividen daripada jumlah tersebut diagihkan kepada projek-projek wakaf terpilih. Berdasarkan agihan 2026, Wakaf ASNB menyalurkan Dana Manfaat Wakaf kepada pelbagai agensi utama dalam empat sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

Program Seindah Wakaf Seikhlas Ramadan 2026 Perkukuh Peranan ASNB dalam Inisiatif Sosial

Seindah Wakaf Seikhlas Ramadan merupakan inisiatif tahunan ASNB untuk menggalakkan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat sempena bulan Ramadan, sambil menyalurkan Dana Manfaat Wakaf kepada projek-projek kebajikan yang memberi manfaat kepada komuniti. Program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan wakaf sebagai amalan berterusan serta mengukuhkan peranan ASNB dalam menyokong inisiatif sosial. Bagi tahun 2026, program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Selaras dengan agenda pendigitalan pendidikan negara, ASNB tahun ini menyalurkan RM460,000 Dana Manfaat Wakaf melalui JAKIM untuk pengagihan Smart TV kepada sekolah Kelas Al-Quran dan Fardu Ain / Sekolah Rendah Agama (KAFA/SRA) di seluruh negara bagi merapatkan jurang digital. ASNB turut menyumbangkan 90 set meja dan kerusi kepada tiga KAFA/SRA terpilih, 30 set Bakul Syawal kepada pelajar SRA Mahmoodiah Presint 18, serta sumbangan iftar RM10,000 kepada Masjid Mahmoodiah Presint 18 yang memberi manfaat kepada 500 orang komuniti setempat.

Amanah Medicare: Dana Manfaat Wakaf ASNB Tingkat Akses Perlindungan Kesihatan

Amanah Medicare merupakan sebuah lagi saluran agihan Dana Manfaat Wakaf yang mencerminkan komitmen ASNB dalam memperkasa sektor kesihatan.

Pengagihan ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM). Inisiatif ini menyediakan perlindungan takaful berkelompok patuh Syariah secara percuma kepada golongan miskin dan miskin tegar yang layak.

Pada 2025, sebanyak RM150,000 Dana Manfaat Wakaf, dalam bentuk perlindungan takaful, yang memberi manfaat kepada 661 penerima terpilih disalurkan menerusi Amanah Medicare, selaras dengan aspirasi untuk mewujudkan impak sosial yang positif dan berkekalan kepada komuniti.

Melangkah ke hadapan

Sejak diperkenalkan, Wakaf ASNB telah menyalurkan lebih RM5 juta Dana Manfaat Wakaf kepada pelbagai inisiatif sosial. ASNB kekal komited memastikan setiap hasrat pewakaf ASNB dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti, manakala pemilihan projek wakaf juga akan terus dibuat secara telus dan berteraskan tadbir urus yang baik bagi menjamin setiap sumbangan yang diterima disalurkan kepada penerima yang layak dan memberikan manfaat yang sebenar kepada komuniti.

Pemegang unit ASNB boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui cawangan ASNB, portal dan aplikasi MyASNB, serta saluran pengedaran ejen ASNB terpilih.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,400 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 300 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad